



**JUMAAT, 23 DISEMBER 2022
UNTUK SIARAN SEGERA**

PELANTIKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BAHARU CAAM

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Kapten Norazman Mahmud sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) baharu berkuatkuasa 1 Januari 2023. Berikutan penilaian menyeluruh yang dilaksanakan oleh Anggota Pihak Berkuasa CAAM, cadangan telah dikemukakan kepada YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan berkenaan calon paling layak untuk menerajui jawatan KPE. Di bawah Seksyen 21 Akta 788, Menteri Pengangkutan melantik Kapten Norazman Mahmud sebagai KPE baharu berikutan peletakan jawatan YBhg. Datuk Kapten Chester Voo.

Menteri Pengangkutan meluahkan keyakinannya dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh Anggota Pihak Berkuasa dan untuk CAAM meneruskan momentum yang positif bagi tahun 2023. CAAM akan terus memperkasakan budaya kerja yang cekap dalam bidang kawal selia dan perkhidmatan navigasi udara baik dari sudut dalaman mahupun luaran tanpa sebarang kompromi terhadap aspek keselamatan dan sekuriti.

Kapten Norazman Mahmud mempunyai pengalaman luas selama lebih 30 tahun dalam industri penerbangan. Beliau pernah berkhidmat di syarikat penerbangan nasional, Malaysia Airlines Berhad sebelum menyertai CAAM pada tahun 2020 sebagai Pengarah Bahagian Operasi Penerbangan. Kecemerlangan kerjaya beliau termasuklah menjadi juruterbang pelbagai jenis pesawat Boeing dan Airbus malah beliau merupakan juruterbang pertama di Malaysia yang diiktiraf bagi pesawat Airbus A350. Beliau ketika ini merupakan Timbalan KPE (Kawal Selia) CAAM dan berperanan penting membantu proses transformasi menyeluruh CAAM dalam tempoh dua tahun yang lalu.

TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABDUL RAHMAN

Pengerusi

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan dengan kenyataan media ini, mohon hubungi Anis Rahim di anis@caam.gov.my